



## KENYATAAN MEDIA PENDAFTAR PERTUBUHAN MALAYSIA

### PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PENGANJURAN PERSIDANGAN/SEMINAR/BENGKEL/ KURSUS/LATIHAN/MESYUARAT AGUNG TAHUNAN BAGI PERTUBUHAN BERDAFTAR DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) BERKUATKUASA MULAI 15 JULAI 2020

YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob Menteri Kanan Pertahanan melalui sidang media bertarikh 10 Julai 2020 telah memaklumkan bahawa Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Mengenai Pelaksanaan PKP bertarikh 10 Julai 2020 telah memutuskan bahawa **TIADA LAGI HAD MAKSIMUM** 250 orang pada penganjuran majlis sosial. Kini ia **HANYA TERTAKLUK KEPADA SAIZ DAN KAPASITI RUANG dengan penjarakan sosial sekurang-kurangnya satu (1) meter serta mematuhi SOP yang ditetapkan. Pelaksanaan SOP ini berkuatkuasa mulai 15 Julai 2020.**

Selaras dengan keputusan tersebut, JPPM sebagai sebuah jabatan kerajaan yang mengawal selia pertubuhan-pertubuhan berdaftar di Malaysia dengan ini membenarkan pertubuhan-pertubuhan berdaftar di Malaysia untuk menganjurkan persidangan/ seminar/ bengkel/kursus/latihan dan mesyuarat agung tahunan dengan kehadiran peserta tanpa had maksimum tetapi tertakluk kepada saiz dan kapasiti ruang dengan penjarakan sosial sekurang-kurangnya satu (1) meter serta mematuhi SOP yang ditetapkan.

### **SEMUA PERTUBUHAN BERDAFTAR HENDAKLAH MEMATUHI PERUNTUKAN PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN DAN AKTA PERTUBUHAN 1966 [AKTA 335].**

YAB Perdana Menteri dalam perutusan khasnya pada 20 Julai 2020 mengingatkan agar rakyat jangan mengambil mudah SOP yang telah ditetapkan dan amalan kebiasaan baharu bagi mengelakkan wabak COVID-19 menjadi lebih meruncing.

Sehubungan itu, semua pertubuhan berdaftar hendaklah mematuhi SOP dengan merujuk perincian SOP berkenaan di portal rasmi Majlis Keselamatan Negara (MKN), portal rasmi JPPM serta saluran media sosial rasmi JPPM seperti facebook, twitter dan instagram. Keputusan ini adalah tertakluk kepada perubahan arahan kerajaan dari masa ke masa.

Sekian. Terima Kasih

**JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA  
PUTRAJAYA**